SIARAN MEDIA

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

KUALA LUMPUR MENJADI TUAN RUMAH MESYUARAT TAHUNAN KE-8 ASEAN NUCLEAR POWER SAFETY RESEARCH (ASEAN NPSR) 2025

KUALA LUMPUR, 8 September 2025 – Malaysia hari ini mengukuhkan komitmennya terhadap keselamatan nuklear serantau dengan menjadi tuan rumah Mesyuarat Tahunan Ke-8 ASEAN *Nuclear Power Safety Research* (ASEAN NPSR) 2025. Ini merupakan julung kali Malaysia menjadi tuan rumah kepada mesyuarat tahunan yang telah dimulakan pada tahun 2017 dan juga selaras dengan polisi penggiliran dalam kalangan negara-negara ASEAN. Seramai 27 orang peserta daripada Indonesia, Myanmar, Singapura, Thailand, Vietnam termasuk tuan rumah Malaysia dan bakal rakan negara ASEAN baharu iaitu Timor Leste. Mesyuarat tahunan ini menghimpunkan para penyelidik, ahli akademik, pembuat dasar dan jurutera dari negara-negara ASEAN untuk membincangkan kemajuan terkini, berkongsi amalan terbaik dan mengukuhkan kerjasama dalam bidang keselamatan tenaga nuklear. NPSR ini berlangsung bermula 8 hingga 10 September 2025 di Hotel Corus Kuala Lumpur.

Penganjuran acara ini diadakan pada waktu yang tepat, di mana beberapa negara anggota ASEAN sedang giat mempertimbangkan tenaga nuklear sebagai sebahagian daripada campuran tenaga masa depan mereka untuk mencapai sasaran pelepasan karbon sifar dan sekuriti tenaga. Sehubungan itu, mesyuarat tahunan ini merupakan platform serantau yang penting dalam memperkukuhkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan sumber manusia serta pemerkasaan jaringan keselamatan nuklear khususnya berkaitan loji kuasa dan reaktor penyelidikan nuklear dalam kalangan negara ASEAN. Ini juga selari dengan Dasar Teknologi

Nuklear Negara (DTNN) 2030, Teras 2: Memperkasakan dan Meningkatkan Daya Saing Industri melalui inisiatif kerjasama antarabangsa dalam bidang teknologi nuklear.

Mesyuarat tahunan ASEAN NPSR 2025 akan memberi tumpuan kepada beberapa bidang utama termasuk status kemajuan Program Tenaga Nuklear di negara ASEAN, analisis kemalangan nuklear, model sebaran atmosfera, teknologi reaktor modular kecil (SMR), penilaian keselamatan kebarangkalian (PSA) dan analisis kebolehpercayaan manusia (HRA). Matlamat utamanya adalah untuk menjadi sebuah platform serantau yang menggalakkan perkongsian data, maklumat dan kerjasama bagi memenuhi keperluan serta menangani jurang dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di rantau ASEAN. Dengan memperkukuh keupayaan R&D, platform ini akan menyediakan sokongan teknikal untuk membantu proses membuat keputusan, di samping mewujudkan dan meningkatkan kerjasama antara rangkaian ASEAN dengan IAEA dan organisasi antarabangsa yang lain.

Sebagai peneraju dalam penyelidikan dan teknologi nuklear di rantau ini, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) memainkan peranan penting dalam penganjuran mesyuarat tahunan ini dan dijangka akan menghasilkan satu pelan tindakan kerjasama penyelidikan keselamatan nuklear ASEAN, yang akan menjadi panduan bagi inisiatif bersama pada masa hadapan.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA
8 SEPTEMBER 2025

Mengenai Mesyuarat Tahunan ASEAN NPSR 2025

Mesyuarat Tahunan ke 8 ASEAN Nuclear Power Safety Research (ASEAN NPSR) 2025 adalah platform peringkat tinggi yang bertujuan untuk mempromosikan kerjasama dalam kalangan negara anggota ASEAN mengenai aspek teknikal, saintifik dan keselamatan tenaga nuklear. Ia dianjurkan sebagai tindak balas kepada minat yang semakin meningkat terhadap tenaga nuklear di Asia Tenggara yang memerlukan pendekatan serantau yang bersepadu untuk menangani isu-isu keselamatan rentas sempadan.

Objektif Utama:

- Perkongsian pengetahuan dengan membuka ruang untuk pakar-pakar serantau berkongsi hasil penyelidikan terkini dan amalan terbaik dalam keselamatan nuklear.
- Pengukuhan kerjasama dengan menggalakkan projek penyelidikan bersama dan penyelarasan protokol kesediaan kecemasan di peringkat ASEAN.
- Pembangunan kapasiti melalui strategi untuk membangunkan modal insan dan kepakaran teknikal yang diperlukan untuk menyokong program tenaga nuklear yang selamat dan terjamin.
- Meningkatkan kesedaran awam dengan menyediakan maklumat yang telus dan berasaskan fakta untuk membina keyakinan orang ramai terhadap teknologi nuklear.

Mengenai Agensi Nuklear Malaysia

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

Untuk pertanyaan: Sila layari www.nuclearmalaysia.gov.my atau hubungi Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676.